

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI**  
**[ PADANG SERAI ]**

**TARIKH** : **30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang langkah yang telah dan akan dijalankan dalam menjamin kebajikan pemandu teksi terutama disebabkan pandemik COVID-19 yang melanda negara.

**JAWAPAN**

**Yang Di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk membantu semua pemandu kenderaan pengangkutan awam termasuk pemandu-pemandu teksi yang terkesan akibat pandemik COVID-19.
2. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah inisiatif yang telah diumumkan oleh Kerajaan pada 27 Mac 2020 mengenai Pakej PRIHATIN. Pakej ini bertujuan membantu semua rakyat yang terkesan dengan penularan wabak COVID-19. Antara bantuan yang diumumkan adalah bantuan tunai secara *one-off* sebanyak RM600 kepada pemandu teksi.

3. Selain daripada itu, Bantuan Khas SarawakKu Sayang (BSKK) iaitu bayaran bantuan *one-off* RM 600 kepada pemandu teksi di Sarawak di mana pembayaran diuruskan oleh Kementerian Pengangkutan Sarawak.

4. Selain itu mengambil kira cabaran yang dihadapi oleh pemandu-pemandu bagi menjana pendapatan dalam suasana semasa, Kementerian Pengangkutan juga telah memberi kebenaran khas kepada semua kenderaan perkhidmatan awam, tambahan satu tahun secara automatik kepada had usia maksima untuk didaftarkan atau penggantian, tertakluk kepada kelulusan pemeriksaan PUSPAKOM kenderaan tersebut.

5. Ini bermakna, mana-mana kenderaan perkhidmatan awam termasuk terksi atau e-hailing, yang telah mencapai had usia maksima untuk didaftarkan dalam tahun 2020 (iaitu dalam tempoh PKP) dan perlu diganti, akan diberikan tambahan satu tahun lagi secara automatik. Dengan pemberian tambahan had usia automatik satu tahun ini, semua pengusaha dan pemilik dapat menangguhkan penggantian kenderaan terbabit untuk satu tahun lagi.

6. Setiap pemandu teksi di Negeri Sarawak pula dibenarkan memohon permohonan Luas Kawasan Operasi (KOP) bagi beroperasi di seluruh Negeri Sarawak untuk tempoh setahun.

7. Kelulusan Rang Undang-undang (RUU) Langkah-Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020 yang telah diluluskan juga akan membantu semua pemandu kenderaan pengangkutan awam dan barangan termasuk pemandu teksi untuk menjana pendapatan tambahan dengan kebenaran untuk menyediakan perkhidmatan lain seperti penghantaran barang/*parcel* sekiranya tidak membawa penumpang. Kelulusan sementara ini hanyalah untuk sepanjang tempoh PKP berkuatkuasa dan bertujuan mewujudkan ruang-ruang tambahan kepada pemandu terlibat untuk mendapatkan pendapatan mereka.

Sekian, terima kasih.